



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

KENYATAAN AKHBAR

19 JUN 2021

PELABUHAN KLANG JALIN KERJASAMA DENGAN PETRONAS UNTUK MENJALANKAN OPERASI *BUNKERING* GAS ASLI CECAIR (LNG) PERTAMA

Pelabuhan Klang telah berjaya menjalankan operasi bekalan gas asli cecair (LNG) pertama di kawasan pelabuhan iaitu Pintu Gedung pada 19 Jun 2021. MV Avenir Advantage, sebuah kapal bunker LNG 7500 meter padu yang dikendalikan oleh Petrolim Nasional Berhad (Petronas) memindahkan 360 tan metrik bahan bakar LNG kepada MT Solar Roma, kapal tangki minyak dan kimia yang baharu, dalam operasi kapal ke kapal (*Ship-to-ship*) yang dilakukan di kawasan yang dikhaskan.

Penggunaan LNG sebagai bahan bakar alternatif membantu mengurangkan pelepasan karbon dan gas rumah hijau lain (GHG) selaras dengan peraturan IMO ke arah pelepasan sifar bahan pencemaran dari kapal menjelang tahun 2050 sebagai satu langkah penting dalam memerangi pemanasan global dan perubahan iklim.

Sebagai hab perkapalan utama di rantau ini, Pelabuhan Klang menyediakan pelbagai perkhidmatan kepada kapal-kapal untuk menyokong operasi mereka ketika berlabuh di pelabuhan untuk pertukaran kargo termasuk perkhidmatan *bunkering*.

Penggunaan LNG sebagai bahan bakar bersih semakin meningkat dan sedia untuk menggantikan bahan bakar konvensional dan minyak diesel marin. Beberapa syarikat perkapalan utama yang berlabuh di Pelabuhan Klang telah menggunakan kapal yang berkuasa LNG, oleh itu adanya keperluan bagi pelabuhan untuk menyediakan kemudahan pengisian bahan bakar (*bunker*) LNG. Lembaga Pelabuhan Kelang telah memulakan usaha untuk bekerjasama dengan pemain industri seperti Petronas yang merupakan jenama terkenal dalam perniagaan LNG untuk menyediakan kemudahan yang diperlukan dan meletakkan Pelabuhan Klang sebagai hab *bunkering* LNG yang terkemuka pada masa hadapan.

Dalam memastikan pelabuhan tersedia dengan kemudahan *bunker* LNG yang mencukupi, Lembaga Pelabuhan Kelang telah bekerjasama dengan operator-operator terminal, Jabatan Laut Malaysia dan pemain-pemain industri untuk menyediakan Prosedur Operasi Standard (SOP) dan garis panduan keselamatan yang ketat untuk operasi pengisian gas cecair asli (LNG) sesuai dengan piawaian antarabangsa. Keperluan tersebut adalah mustahak bagi syarikat-syarikat perkapalan untuk menilai dan membuat keputusan yang tepat bagi mendapatkan perkhidmatan *bunker* bagi kapal mereka.

Operasi *bunkering* LNG yang dilakukan hari ini mematuhi garis panduan keselamatan dan pengalaman ini membolehkan Lembaga Pelabuhan Kelang melakukan lebih banyak penambahbaikan pada masa akan datang. Melalui inisiatif baharu ini, Pelabuhan Klang akan terus bekerjasama erat dengan industri perkapalan dalam menyediakan perkhidmatan yang berkesan dan efisien demi memenuhi keperluan industri.

Kapt. K. Subramaniam
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang





.....TAMAT



PORT KLANG AUTHORITY
Beg Berkunci 202, Jalan Pelabuhan Utara, 42005 Pelabuhan Klang
Tel: 03-3168 8211 Faks: 03-3168 8228

PRESS RELEASE

19 JUNE 2021

**PORT KLANG AUTHORITY COLLABORATES WITH PETRONAS TO CONDUCT
FIRST LNG BUNKERING OPERATION IN PORT KLANG**

Port Klang successfully conducted its first Liquefied Natural Gas (LNG) bunkering operation at the Pintu Gedung anchorage area on 19 June 2021. MV Avenir Advantage, a 7500 cubic metre LNG bunker vessel operated by Petroliam Nasional Berhad (Petronas) transferred 360 metric tons of LNG fuel to MT Solar Roma, a newly delivered oil and chemical tanker, in a ship to ship (STS) operation carried out at a designated area.

The use of LNG as an alternate marine fuel helps reduce carbon emissions and other green-house gases (GHG) in line with IMO's regulations towards zero emissions from ocean-going ships by 2050 as an important step in combatting global warming and climate change.

As a major shipping hub in the region, Port Klang provides various services to ships in support of their operations when they call the port for cargo exchange including bunkering.

The use of LNG as a clean fuel is gaining prominence and is poised to replace traditional heavy fuel oil and marine diesel. Several major shipping lines calling Port Klang have deployed LNG powered vessels, hence the need for the port to provide LNG bunkering facilities. Port Klang Authority embarked on efforts to work with industry players like Petronas who are themselves a leading brand name in the LNG business to develop the required facilities and position Port Klang as a leading LNG bunkering hub in the future.

In preparing the port with adequate LNG bunkering facilities, Port Klang Authority worked closely with terminal operators, Marine Department of Malaysia and industry players to develop Standard Operating Procedures (SOP) and stringent safety guidelines for LNG bunkering operations in accordance to international standards. Such requirements are essential for shipping lines to evaluate and make informed decisions as to where they will bunker their vessels.

The bunkering operation conducted today was in compliance to the safety guidelines and the experience gained will enable Port Klang Authority to make further improvements. Embarking on this new initiative, Port Klang will continue to work closely with the shipping industry in providing timely and efficient services to meet the needs of the industry.

Capt. K. Subramaniam
General Manager
Port Klang Authority





.....END